

Ahad, 28 Jun 2020 | 11:21am



Mohd Hairul Anuar (empat dari kiri) membuat pemeriksaan di ladang ayam bagi pemantauan harga - Foto NSTP/KPDNHEP

70 notis berkaitan harga ayam di Johor

Oleh Omar Ahmad
bhnews@bh.com.my

JOHOR BAHRU: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Johor mengeluarkan 70 notis berhubung kenaikan harga ayam.

Pengarah KPDNHEP Johor, Mohd Hairul Anuar Bohro, berkata notis itu membabitkan sembilan peladang, 19 pemborong serta 42 peruncit di daerah Kluang, Batu Pahat, Muar dan Johor Bahru.

Katanya Bahagian Penguat Kuasa Johor telah menjalankan pemeriksaan berkaitan harga jualan ayam bermula 10 Jun lalu.

"Pemeriksaan membabitkan semua rangkaian perniagaan yang terbabit seperti di peringkat ladang, pemborong serta peruncit.

"Sejumlah 105 pemeriksaan dilakukan meliputi sembilan ladang ayam, 29 pemborong utama dan juga 67 peruncit seperti pasar awam, pasar raya serta kedai runcit.

"Siasatan telah dibuat dengan penyerahan 70 notis mengikut Seksyen 21, Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011 bagi mendapatkan maklumat lengkap serta penjelasan dari pihak berkaitan," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Mohd Hairul Anuar berkata jika didapati ada peniaga yang sengaja menaikkan harga bagi mengambil keuntungan yang tidak munasabah, tindakan akan diambil mengikut AKHAP 2011.

Kini, sebanyak lapan kertas siasatan dibuka membabitkan beberapa syarikat kerana disyaki melakukan kesalahan mengikut akta itu.

"Mereka yang disabit boleh dikenakan tindakan denda sehingga RM100,000 bagi individu atau dipenjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan bagi kesalahan kedua, denda sehingga RM250,000 atau dipenjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

"Bagi syarikat, ia oleh didenda oleh mahkamah sehingga RM500,000 dan bagi kesalahan kedua didenda sehingga RM1 juta," katanya.

<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/06/704924/70-notis-berkaitan-harga-ayam-di-johor>

